

**TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT
KEMPEN “CIMB DURIAN-i RIUH DURIAN RUNTUH” 2023**

1. Kempen “**CIMB DURIAN-i Riuh Durihan RuntuH 2023**” (“**Kempen**”) adalah dianjurkan oleh CIMB Islamic Bank Berhad [No. Pendaftaran: 200401032872 (671380-H)] (“**CIMB**”).

Tempoh Kempen

2. Kempen akan berlangsung dari **1 Ogos 2023** hingga **31 Disember 2023**, termasuk kedua-dua tarikh (“**Tempoh Kempen**”).
3. CIMB merizabkan hak untuk menukar jangka masa dan/atau tarikh-tarikh permulaan dan/atau penamatan Tempoh Kempen dengan memberikan notis terdahulu tujuh (7) hari kalendar.

Kelayakan & Kriteria Kelayakan

4. Tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat di sini, Kempen adalah terbuka kepada semua pelanggan CIMB baru dan sedia ada yang merupakan pemegang akaun Akaun Pelaburan Tanpa Had-i (“Akaun DURIAN-i”) (“Pelanggan Layak”).
5. Berkenaan dengan akaun bersama, hanya pemegang akaun bersama yang pertama dinamakan, iaitu pemegang akaun utama akan layak untuk menyertai Kempen. Bagi tujuan Kempen ini, pemegang akaun bersama sekunder tidak layak untuk menyertai Kempen ini.
6. Kategori individu/entiti berikut TIDAK akan layak untuk menyertai Kempen ini: -
 - a) Perusahaan kecil sederhana/perbankan perusahaan/pelanggan komersial dan korporat sebagaimana yang akan ditentukan oleh CIMB yang termasuk tetapi tidak terhad kepada pemilikan tunggal, perkongsian, syarikat tersenarai awam, syarikat sendirian berhad, organisasi/pertubuhan amal/bukan untung, kelab, persatuan, koperasi dan perkongsian profesional;
 - b) Individu di bawah umur lapan belas (18) tahun; dan/atau
 - c) Kakitangan CIMB Islamic Bank Berhad dan CIMB Bank Berhad yang terlibat secara langsung dalam proses pemilihan Pemenang bagi Kempen ini.
7. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Layak merepresentasi dan mengesahkan bahawa beliau tidak termasuk di bawah kategori orang/entiti yang disebutkan di atas.

Mekanik Kempen

8. Pelanggan Layak boleh menyertai Kempen ini dan berpeluang memenangi Hadiah yang ditawarkan dengan memperolehi “**Penyertaan**” mengikut cara yang dinyatakan di bawah: -

Jadual 1: Mekanik Kempen

Kategori	Transaksi Layak	Jumlah Penyertaan
Hadiah Bulanan	Setiap peningkatan Baki Purata sebanyak RM100 pada Bulan Kempen	1
	Tambahan: 2 x transaksi Debit Kad CIMB pada Bulan Kempen	Maksimum 1 penyertaan
	Tambahan: 2 x transaksi CIMB Clicks pada Bulan Kempen	Maksimum 1 penyertaan
Hadiah Akhir Tahun	Setiap RM400 Baki Purata untuk sepanjang tahun	1
	Tambahan: 6 x transaksi Debit Kad CIMB pada tahun tersebut	Maximum 1 penyertaan
	Tambahan: 6 x transaksi CIMB Clicks pada tahun tersebut	Maximum 1 penyertaan
	Tambahan: Pembayaran sekurang-kurangnya satu (1) (minima RM50) bayaran ke akaun badan kebajikan dan zakat mengikut Klausula 10 (e) untuk tahun tersebut	Maximum 2 penyertaan

Ilustrasi untuk pengiraan penyertaan bagi Pelanggan Layak A untuk penyertaan bulanan dan Hadiah Akhir Tahun:

Jadual 2: Ilustrasi Pengiraan Jumlah Penyertaan

Bulan	Baki Purata Bulanan	No. Transaksi Kad Debit	No. Transaksi CIMB Clicks	No. Transaksi kebajikan (min RM50)	Ilustrasi Penyertaan Bulanan	Jumlah Penyertaan Bulanan	Ilustrasi Penyertaan Akhir Tahun	Jumlah Penyertaan Akhir Tahun
Ogos	500	2	3	0	Baki Purata Ogos RM500/RM100 = 5 penyertaan 2 Debit Transaksi = 1 penyertaan 3 Clicks Transaksi = 1 penyertaan	7	(Baki Purata Ogos RM500 + Baki Purata September RM850 + Baki Purata Oktober RM1,200 + Baki Purata November RM700 + Baki Purata Disember RM1,600) / 5 bulan / RM 400 = RM970/RM400 = 2 penyertaan 12 Debit Transaksi = 1 penyertaan 14 Clicks Transaksi = 1 penyertaan 3 Pembayaran minima RM50 bayaran ke akaun Badan Kebajikan = 2 penyertaan	6
September	850	4	4	2	(Baki Purata September RM850 - Baki Purata Ogos RM500) / RM100 = RM350/RM100 = 3 penyertaan 4 Debit Transaksi = 1 penyertaan 4 Clicks Transaksi = 1 penyertaan	5		
Oktober	1200	1	3	1	(Baki Purata Oktober RM1,200 - Baki Purata September RM850) / RM100 = RM350/RM100 = 3 penyertaan 1 Debit Transaksi = 0 penyertaan 3 Clicks Transaksi = 1 penyertaan	4		
November	700	2	2	0	(Baki Purata November RM700 - Baki Purata Oktober RM1,200) / RM100 = 0 penyertaan 2 Debit Transaksi = 0 penyertaan 2 Clicks Transaksi = 0 penyertaan	0		
Disember	1600	3	2	0	(Baki Purata Disember RM1,600 - Baki Purata November RM700) / RM100 = RM900/RM100 = 9 penyertaan 3 Debit Transaksi = 1 penyertaan 2 Clicks Transaksi = 1 penyertaan	11		

9. Setiap penyertaan yang diperolehi semasa Bulan Kempen hanya akan dikira untuk Bulan Kempen tersebut sahaja dan tidak boleh dibawa ke Bulan Kempen yang seterusnya.
10. Bagi tujuan Kempen ini:
- a) **“Baki Purata Bulan”** bermaksud jumlah baki akhir harian daripada Akaun DURIAN-i Pelanggan Layak dibahagikan dengan jumlah hari dalam bulan tersebut.

Sebagai contoh:

Pada 1 Ogos 2023, Pelanggan Layak B membuka Akaun DURIAN-i dan menempatkan RM500 ke dalam akaun. Pelanggan Layak B mengekalkan baki harian yang sama sehingga 31 Ogos 2023.

Pemenang Hadiah Bulanan	
Jumlah baki akhir harian bagi Ogos 2023:	RM500 x 31 hari = RM15,500
Jumlah hari dalam bulan Ogos 2023:	31 hari
Purata baki pada 31 Ogos 2023:	RM15,500 / 31 = RM500

Bagi kes ini, Pelanggan Layak B akan menerima 5 penyertaan untuk berpeluang memenangi Hadiah Bulanan.

- b) **“Baki Purata Akhir Tahun”** bermaksud jumlah Baki Purata untuk setiap bulan layak pada tahun tersebut daripada Akaun DURIAN-i Pelanggan Layak dibahagikan dengan jumlah bulan yang layak pada tahun tersebut.

Sebagai contoh:

Pada 1 Ogos 2023, Pelanggan Layak C mengekalkan RM1,000 Baki Purata bagi setiap Bulan Kempen sehingga 31 Disember 2023.

Pemenang Hadiah Bulanan	
Jumlah purata baki bagi setiap bulan layak:	RM1,000 x 5 = RM5,000
Jumlah bulan layak pada tahun tersebut:	5 bulan
Purata baki bagi tahun tersebut (pada 31 Disember 2023):	RM5,000 / 5 = RM1,000

Bagi kes ini, Pelanggan Layak C akan menerima 2 penyertaan untuk berpeluang memenangi Hadiah Akhir Tahun.

- c) **“Penyertaan Tambahan”** bagi Transaksi **“Debit Kad”** Layak hendaklah bermaksud mana-mana transaksi pembelian tempatan dan luar negara yang didebitkan daripada Akaun Penyertaan dengan perbelanjaan dengan menggunakan Kad Debit CIMB bagi barangan dan perkhidmatan yang ditanggung untuk penggunaan peribadi.

- d) **“Penyertaan Tambahan”** bagi Transaksi **“Clicks”** Layak hendaklah termasuk mana-mana transaksi berikut daripada Akaun DURIAN-i yang dilakukan melalui laman web CIMB Clicks dan/atau aplikasi mudah alih CIMB Clicks:
- i. Interbank Giro Transfers (IBG) / Instant Fund Transfer (IBFT) ke akaun pihak ketiga atau akaun sendiri;
 - ii. Bayaran Bil, iaitu sebarang transaksi bayaran bil yang dibuat oleh Pelanggan Layak termasuk transaksi bayaran bil melalui JomPAY dan DuitNow. Sebarang pembayaran elektronik lain yang dilakukan melalui pilihan pembayaran dalam talian lain termasuk Gateway Pembayaran Dalam Talian FPX (“FPX Online Payment Gateway”) tidak akan dianggap sebagai Bayaran Bil di bawah Kempen ini;
 - iii. Tambah nilai mudah alih prabayar / tambah nilai Touch 'n Go;
 - iv. Bayaran Kad Kredit/ Bayaran pembiayaan (contohnya bayaran pembiayaan rumah, kenderaan atau peribadi).
- e) **“Penyertaan Tambahan”** bagi “Pembayaran kepada Badan Kebajikan dan Zakat” hendaklah diberikan kepada Pelanggan Layak bagi jumlah minimum RM50 yang didebitkan daripada Akaun DURIAN-i ke Badan Kebajikan dan Zakat seperti yang dinyatakan di Jadual 3.

Jadual 3: Penyertaan Tambahan bagi Pembayaran kepada Badan Kebajikan dan Zakat

Pemindahan Dana Melalui Clicks ke Payee ID Yang Tersenarai Di Bawah:	Pemindahan Dana ke Badan Kebajikan dan Zakat Melalui Kad Debit:
i. WWF Malaysia ii. MALAYSIAN NATURE SOCIETY iii. THE BUDIMAS CHARITABLE FOUNDATION iv. PERSATUAN MOBILITI PROJECT v. Perbadanan Wakaf Selangor vi. Yayasan Waqaf Malaysia vii. National Cancer Society Malaysia viii. National Council for the Blind ix. Islamic Relief x. Pusat Zakat Melaka xi. Pusat Urus Zakat Pulau Pinang xii. Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman xiii. Pusat Zakat Negeri Sembilan xiv. Zakat Negeri Perak xv. Zakat Negeri Perlis xvi. Pusat Zakat Sabah (MUIS) xvii. Lembaga Zakat Selangor (LZS) - xviii. Pusat Zakat Wilayah xix. Pusat Kutipan Zakat Pahang	Semua transaksi pembayaran ke Kod Kategori Peniaga (KPP) yang berkaitan dengan Badan Kebajikan dan Zakat.

11. Penentuan CIMB tentang apa yang membentuk Transaksi Layak adalah muktamad, terikat dan konklusif. Pelanggan Layak mesti mendapat penyertaan daripada "Baki Purata Bulan/Akhir Tahun" terlebih dahulu untuk layak mendapat "Penyertaan Tambahan".

Hadiah Kempen

12. Kategori hadiah berikut (“**Hadiah**”) disediakan kepada Pelanggan Layak di bawah Kempen ini:

Jadual 4: Pecahan Hadiah

Kategori	Kategori Hadiah	Jumlah Pemenang	Hadiah
Hadiah Bulanan	Hadiah Pertama	3	Samsung Galaxy Z Flip4 5G 8GB+512GB
	Hadiah Kedua	6	Samsung Galaxy S23 8GB+256GB
	Hadiah Ketiga	12	Samsung Galaxy A34 5G 8+256GB
	Hadiah Sagu Hati	167	RM100 wang tunai dikreditkan ke Akaun DURIAN-i
Hadiah Akhir Tahun	Hadiah Utama	3	Apple iPhone terkini setakat 31 Disember 2023 atau Apple iPhone 14 Pro 256GB
	Hadiah Kedua	6	Samsung Galaxy Z Fold4 12GB +256GB
	Hadiah Ketiga	12	Samsung Galaxy S23 8GB+256GB
	Hadiah Sagu Hati	79	RM1,000 wang tunai dikreditkan ke Akaun DURIAN-i

- Setiap Pelanggan Layak hanya layak untuk memenangi maksimum satu (1) Hadiah Akhir Tahun dan satu (1) Hadiah Bulanan setiap tiga (3) bulan sepanjang Tempoh Kempen ini.
- Hadiah wang tunai akan dikreditkan ke dalam Akaun DURIAN-i Pemenang.
- Semua tuntutan bagi hadiah yang selain daripada wang mestilah dibuat dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh pengumuman Pemenang.
- Hadiah yang ditawarkan kepada Pemenang akan dipaparkan didalam website CIMB. CIMB mempunyai hak untuk menggantikan hadiah tersebut dengan apa jua barang atas budi bicara CIMB dengan barang yang mempunyai nilai setara bergantung kepada ketersediaan stok.
- Sebarang permintaan daripada Pemenang yang layak kepada Hadiah untuk mengkreditkan Hadiah ke akaun CIMB lain mereka atau mana-mana akaun lain yang dikekalkan dengan institusi kewangan lain atau mana-mana akaun pihak ketiga, menukar Hadiah dengan wang tunai atau hadiah atau ganjaran yang berbeza dengan nilai setara atau sebarang jua alternatif lain tidak dibenarkan.
- Pemenang hendaklah bertanggungjawab untuk membayar sebarang cukai, kos sampingan dan/atau caj yang berkaitan dengan Hadiah. CIMB tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang cukai, kos sampingan, caj dan/atau ganti rugi yang disebabkan oleh Hadiah dan/atau kegagalan pemenuhan oleh mana-mana ejen/ pembekal/ pengedarnya.

19. CIMB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawab ke atas kegagalan penyerahan atau kegagalan penerimaan Hadiah atas apa-apa sebab sekalipun, termasuk di mana kegagalan untuk dihantar adalah disebabkan oleh alamat, alamat e-mel atau nombor mudah alih Pemenang yang tidak tepat, tidak sah atau tidak salah yang dikekalkan dalam rekod CIMB. Hadiah tidak akan diganti atau dihantar semula kepada Pemenang tanpa mengira sama ada Hadiah telah digunakan.
20. Akaun DURIAN-i tidak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM).

Proses Pemilihan Pemenang

21. Pemberian Hadiah yang ditawarkan di bawah Kempen ini hendaklah seperti yang berikut: -

Jadual 5: Pemenuhan Hadiah

Hadiah	Jadual Pemilihan Pemenang	Tempoh Pemenuhan
Hadiah Bulanan	Dalam masa lapan (8) minggu dari tarikh akhir setiap Bulan Kempen	Dalam masa enam (6) ke lapan (8) minggu dari tarikh pengumuman Pemenang.
Hadiah Akhir Tahun	Dalam masa lapan (8) minggu dari 31 Disember 2023	

22. Sistem pemilihan automatik CIMB akan menyenarai pendek pemenang berpotensi daripada kumpulan Pelanggan Layak ("**Pemenang Berpotensi**") dan sentiasa tertakluk kepada Klausula 23 hingga 26 di bawah, Hadiah akan dipenuhi dalam tempoh masa yang dinyatakan dalam lajur Jadual Pemilihan Pemenang yang dinyatakan dalam Jadual 5 di Klausula 21 di atas. Lebih tinggi bilangan Penyertaan yang diperolehi oleh Pelanggan Layak, lebih tinggi peluang Pelanggan Layak untuk disenarai pendek sebagai Pemenang Berpotensi.

23. Proses pemilihan Pemenang diperincikan seperti yang berikut:

Pemenang Hadiah Bulanan

- a) Bagi setiap Bulan Kempen, Pemenang Berpotensi akan disenarai pendek berdasarkan kelayakan (seperti yang ditentukan di bawah klausula 4,5,6 dan 7 di atas) dan jumlah penyertaan yang diperolehi bagi Pelanggan Layak sepanjang setiap Bulan Kempen dalam masa lapan (8) minggu dari hari terakhir Bulan Kempen, bagi bertanding untuk memenangi Hadiah Bulanan ("**Pemenang Bulanan Berpotensi**").
- b) Setelah disenarai pendek, setiap Pemenang Bulanan Berpotensi akan dihubungi oleh CIMB melalui SMS di nombor mudah alih berdaftar mereka. Pemenang Bulanan Berpotensi yang dihubungi akan dikehendaki menjawab satu (1) soalan dengan betul dengan membalas SMS tersebut dalam masa terpanjang dalam tempoh yang ditetapkan dalam SMS tersebut.

- c) Seratus lapan puluh lapan (188) Pemenang Bulanan Berpotensi pertama yang menjawab dengan jawapan betul dalam masa terpantas seperti yang direkodkan oleh sistem CIMB akan diisytiharkan sebagai **“Pemenang Bulanan”**.

Pemenang Hadiah Akhir Tahun

- a) Pemenang Berpotensi akan disenarai pendek berdasarkan kelayakan (seperti yang ditentukan di bawah klausa 4,5,6 dan 7 di atas) dan jumlah penyertaan yang diperoleh bagi Pelanggan Layak sepanjang tempoh kempen dalam masa lapan (8) minggu dari 31 Disember 2023, bagi bertanding untuk memenangi Hadiah Akhir Tahun (**“Pemenang Hadiah Akhir Tahun Berpotensi”**).
 - b) Pemenang Hadiah Akhir Tahun Berpotensi yang disenarai pendekkan kemudiannya akan dihubungi oleh CIMB melalui SMS di nombor mudah alih berdaftar mereka. Pemenang Hadiah Akhir Tahun Berpotensi yang dihubungi akan dikehendaki untuk menjawab satu (1) soalan dengan betul soalan dengan betul dengan membalas SMS tersebut dalam masa terpantas dalam tempoh yang ditetapkan dalam SMS tersebut.
 - c) Seratus (100) Pemenang Hadiah Akhir Tahun Berpotensi pertama yang membalas dengan satu (1) jawapan yang betul dalam masa terpantas seperti yang direkodkan oleh sistem CIMB akan diisytiharkan sebagai **“Pemenang Hadiah Akhir Tahun”**.
24. Pemenang Hadiah Bulanan dan Pemenang Hadiah Akhir Tahun (selepas ini secara kolektif dirujuk sebagai **“Pemenang”**) akan dimaklumkan oleh CIMB melalui SMS atau penerbitan di laman web CIMB.
25. CIMB mempunyai hak untuk melucutkan hak Hadiah dan memilih Pemenang lain jika Pemenang gagal menghadiri majlis penyampaian hadiah dan/atau menyertai acara berkaitan lain sebagaimana yang mungkin diperlukan oleh CIMB.
- a) Dengan menyertai Kempen, Pemenang akan dianggap telah memberi kuasa kepada CIMB untuk menerbitkan dan/atau memaparkan bahan dan/atau maklumat, termasuk tetapi tidak terhad kepada nama, gambar dan bandar kediaman Pemenang tanpa pampasan untuk tujuan pengiklanan dan publisiti dalam apa jua cara yang difikirkan sesuai oleh CIMB (**“Hak Penerbitan”**).
 - b) Jika Pemenang membantah Hak Penerbitan CIMB selepas menyertai Kempen, CIMB mempunyai hak untuk melucutkan hak Hadiah dan memilih Pemenang lain.
26. Walau apa pun di atas, CIMB berhak mengikut budi bicaranya menamatkan proses pemilihan yang dinyatakan di sini walaupun bilangan Pemenang tidak mencukupi selepas proses pemilihan.

Terma-Terma dan Syarat-Syarat Am

27. Pelanggan Layak bersetuju bahawa dengan menyertai Kempen, beliau:

- a) telah mengakses, membaca dan mengesahkan persetujuan beliau terhadap Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini;
- b) memberi kebenaran kepada CIMB untuk memproses dan mendedahkan data peribadinya menurut Notis Privasi Kumpulan CIMB di **www.cimb.com.my**;
- c) bersetuju bahawa semua keputusan yang dilakukan secara adil dan munasabah oleh CIMB berkenaan dengan setiap aspek Kempen ini, termasuk Hadiah yang akan diberikan dan penentuan Pemenang, hendaklah muktamad, terikat dan konklusif; dan
- d) bersetuju bahawa CIMB tidak akan dipertanggungjawabkan atau bertanggungjawab kepada Pelanggan Layak sekiranya CIMB tidak dapat melaksanakan sepenuhnya atau sebahagian daripada mana-mana kewajibannya dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh:

- kegagalan mana-mana peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemrosesan data atau talian penghantaran;
- kegagalan elektrik;
- pertikaian industri, perang, mogok atau rusuhan;
- sebarang bencana alam ("*act of God*") di luar kawalan CIMB; atau
- sebarang faktor dalam sifat *force majeure* yang berada di luar kawalan munasabah CIMB.

28. Pelanggan Layak akan dilucutkan kelayakan daripada menyertai Kempen dan/atau Hadiah akan dilucuthakkan jika:

- a. Akaun DURIAN-i Pelanggan Layak ditutup atau menjadi dormant semasa Tempoh Kempen dan/atau sebelum penghantaran Hadiah;
- b. Pelanggan Layak memungkirinya terma-terma dan syarat-syarat yang mengawal Akaun DURIAN-i;
- c. Akaun DURIAN-i Pelanggan Layak ditamatkan atau ditutup atau dijadikan tertakluk kepada sebarang penahanan, perintah bertentangan yang dikeluarkan oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang dibenarkan oleh undang-undang; atau
- d. Akaun DURIAN-i Pelanggan Layak adalah delinkuen, tidak sah atau dibatalkan oleh Pelanggan Layak atau CIMB.

29. CIMB mempunyai hak untuk melucutkan kelayakan mana-mana Pelanggan Layak yang ia tentukan telah:

- a) mengganggu kemasukan/penyertaan/proses permohonan; dan/atau
- b) bertindak memungkirinya Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.

30. CIMB mempunyai hak untuk:

- a) menggantikan Hadiah dengan barang lain yang mempunyai kos setara; dan/atau
- b) melanjutkan, memendekkan, memberhentikan, membatalkan, menamatkan atau menggantungkan Kempen

dengan memberikan notis terdahulu tujuh (7) hari kalendar kepada Pelanggan Layak menerusi:

- pengumuman di laman web CIMB; dan/atau

- notis di cawangan CIMB; dan/atau
- notis di kaunter Pertukaran Mata Wang CIMB; dan/atau
- menerusi mana-mana cara pemberitahuan lain yang mungkin dipilih oleh CIMB.

31. Bagi mengelakkan keraguan, CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan Layak untuk sebarang kerugian, ganti rugi, kos atau perbelanjaan sebagaimana yang mungkin dialami atau ditanggung oleh Pelanggan Layak akibat secara langsung atau tidak langsung oleh sebarang penggantian Hadiah dan/atau sebarang pembatalan, penggantungan, pemendekan atau pelanjutan Kempen.

32. CIMB tidak akan dipertanggungjawabkan kepada sebarang Pelanggan Layak atau mana-mana pihak untuk sebarang kerugian atau ganti rugi (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, ganti rugi secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau khas) akibat daripada:

- a) penyertaan atau kegagalan penyertaan Pelanggan Layak dalam Kempen; dan/atau
- b) sebarang kegagalan penerimaan atau kelewatan penerimaan oleh Pelanggan Layak SMS,

melainkan kerugian atau ganti rugi sedemikian timbul daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja CIMB.

33. CIMB mempunyai hak untuk mengubah, menambah, memadam, atau meminda mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini ("**Pindaan**") dengan memberikan notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Pelanggan Layak menerusi:

- a) pengumuman di laman web CIMB; dan/atau
- b) notis di cawangan CIMB; dan/atau
- c) notis di kaunter Pertukaran Mata Wang CIMB; dan/atau
- d) pengiklanan di suatu surat khabar pilihan CIMB; dan/atau
- e) menerusi mana-mana cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.

Pindaan hendaklah dianggap terikat ke atas Pelanggan Layak dari tarikh sepertimana yang dinyatakan oleh Bank dalam pemberitahuan.

Pelanggan Layak bersetuju untuk mengakses laman web CIMB pada selang masa yang tetap untuk menyemak terma-terma dan syarat-syarat Kempen dan untuk memastikan bahawa beliau sentiasa mengikuti sebarang variasi terhadap Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.

34. CIMB tidak akan dipertanggungjawabkan kepada Pelanggan Layak untuk sebarang kerugian atau ganti rugi yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung Pindaan.

35. Pelanggan Layak hendaklah menanggung rugi sepenuhnya dan memastikan bahawa CIMB ditanggung rugi berkenaan dengan sebarang fi, kos, caj, perbelanjaan, kerugian, ganti rugi atau liabiliti yang mungkin ditanggung oleh CIMB akibat daripada:

- a) penyertaan Pelanggan Layak dalam Kempen; dan/atau
- b) penerimaan, penebusan atau penggunaan Hadiah oleh Pelanggan Layak.

36. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini:

- a) hendaklah mengatasi mana-mana peruntukan atau representasi yang terkandung dalam mana-mana bahan lain yang mengiklankan Kempen; dan
- b) dibaca bersama dengan terma-terma dan syarat-syarat semasa Akaun DURIAN-i yang akan diguna pakai sebagai tambahan kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.

37. Terma-erma dan Syarat-Syarat ini hendaklah tertakluk kepada mana-mana undang-undang, peraturan dan garis panduan, arahan, notis semasa yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana badan lain yang mempunyai kuasa penyeliaan ke atas CIMB dari semasa ke semasa.

38. Pelanggan Layak boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan CIMB bagi sebarang maklum balas dan/atau aduan berkenaan dengan Kempen ini melalui surat, panggilan telefon, faks dan e-mel:

Alamat: Unit Resolusi Pelanggan, Peti Surat 10338, Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan

No. Telefon: +603 6204 7788

Alamat E-mel: contactus@cimb.com

39. CIMB boleh menukar butiran perhubungan di atas dengan memaklumkan kepada Pelanggan Layak melalui pengumuman di laman web CIMB atau melalui sebarang cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.